

**SOALAN NO.: 20**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO**

**KAWASAN : PUCHONG**

**TARIKH : 21 MEI 2015, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan sistem jalan raya di kawasan Taman Equine Puchong dan bilakah tindakan ini akan dilaksanakan. Secara umum, sebutkan usaha-usaha untuk menyekat dan mengatasi masalah trafik di Kawasan Parlimen Puchong.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kesesakan lalu lintas di kawasan Equine Park dan Seri Kembangan dijangka akan berkurangan apabila projek persimpangan bertingkat baharu dari Seri Kembangan ke Lebuh Raya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX) disiapkan pada akhir tahun ini. Sehingga 8 Mei 2015, projek tersebut telah mencapai kemajuan fizikal 73%. Apabila siap kelak projek tersebut dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 150,000 kenderaan di kawasan berkenaan.

Di samping itu kementerian ini turut merancang untuk menaik taraf Jalan Putra Permai (FT3215), Seri Kembangan kepada laluan 6 lorong 2 hala dan membina 5 persimpangan bertingkat pada masa hadapan. Projek dengan anggaran kos RM400 juta itu telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam RMKe-11.

Mengenai usaha untuk mengurangkan kesesakan trafik di Puchong pula, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan Pusat telah mengenai pasti keperluan untuk membina rangkaian lebuh raya yang baharu yang selari dengan Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP), iaitu cadangan Lebuhraya Kinrara – Damansara (KIDEX). Ia kemudian akan bersambung dengan cadangan Lebuhraya Serdang – Kinrara – Puchong (SKIP) yang turut dirancang untuk mengurangkan masalah kesesakan di kawasan Puchong dan juga Petaling Jaya.

Namun demikian cadangan pembangunan projek Lebuhraya KIDEX itu telah dibatalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada bulan Februari 2015 yang lalu. Sehubungan itu kementerian ini akan menunggu hasil maklum balas daripada Kerajaan Negeri mengenai laporan Kajian Pelan Induk Audit Pengangkutan Awam yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebelum memutuskan sebarang cadangan pembangunan baru untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik di kawasan Puchong.

Sekian. Terima kasih.